

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger
Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online
Or Not?

JEBAT
Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash





IBU MERTUAKU

¹Nik Noor Afizah Azlan & ²Mazlan Mat

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

²Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Terengganu



Sebut sahaja “Ibu Mertua” pasti kita terbayang-bayang filem Allahyarham Seniman P. Ramlee yang mengisahkan karakter seorang ibu mertua yang garang, jahat, tidak berperikemanusiaan dan macam-macam lagi.

Tetapi pada hakikatnya, ramai ibu mertua di luar sana yang mempunyai hati budi yang baik, penyayang, pengasih dan selalu mengambil berat keadaan anak-anak dan menantu-menantu mereka.

Aku adalah salah seorang menantu yang direzekikan mendapat seorang ibu mertua yang sangat baik dan penyayang, Alhamdulillah. Kami anak-anak menantu, memanggil beliau dengan panggilan “Mok”. Mok dan Ayoh adalah orang kampung yang masih menjaga adab dan tatasusila dalam banyak perkara. Tambahan pula Ayoh adalah seorang imam di kampung tersebut, maka kami perlu menjaga nama baik mereka.

Semenjak aku berkahwin dengan anak teruna Mok, setiap kali kami pulang ke kampung aku akan bersalam, memeluk dan mencium Mok dan Ayoh. Aku sudah terbiasa menyantuni mereka begitu kerana aku dididik sebegitu oleh kedua ibubapaku sebagai tanda kasih dan hormat kepada orang tua. Bila ianya menjadi kebiasaan, aku menjadi semakin mesra dengan mereka. Aku menyantuni mereka sama seperti aku menyantuni kedua ibu bapaku sendiri, tambahan pula Mok dan Ayoh lebih berusia berbanding kedua orang tuaku.

Ketika aku mengandungkan anak sulung, Mok pernah berpesan agar aku berpantang di rumahnya. Meskipun aku sudah mesra dengan mertuaku, namun perasaan segan itu masih menebal tambahan pula

usia perkahwinan kami baru setahun jagung. Selepas aku bersalin, Mok selalu datang menziarahi aku dan cucunya di rumah ibu bapaku dan seringkali juga beliau berkias, memujuk aku agar berpantang di rumahnya pula. Aku hanya mampu menjawab, Insya-Allah.



Ditakdirkan aku mengalami masalah saraf lebih kurang 2 minggu selepas aku bersalin. Separuh badanku dari pinggang ke bawah tidak boleh bergerak. Setiap kali aku cuba bergerak, sakitnya hanya Allah yang tahu. Rasanya seperti ditoreh-toreh dengan pisau dan kadang-kadang rasa seperti dicucuk-cucuk dengan jarum. Aku hanya bergerak untuk ke tandas dan setiap kali hendak ke tandas, aku akan mengerang kesakitan. Suamiku dengan penuh sabar tetap cuba sedaya upaya memapahku untuk dimandikan dan dibersihkan kerana masih berhadass disebabkan nifas. Mujurlah tandas di bilik airku itu adalah tandas duduk, dan ini memudahkan urusan aku dan suamiku. Selebihnya aku hanya terlantar dengan

pergerakan yang sangat-sangat terhad. Mudah-mudahan kesakitanku ketika itu dapat menghapuskan dosa-dosaku. Amin.

Hampir 2 minggu aku terlantar begitu. Pernah suamiku membawaku ke sebuah klinik kesihatan untuk mendapatkan rawatan, namun kerana terlalu sakit untuk bergerak doktor hanya memberikan ubat tahan sakit, ubat saraf dan beberapa jenis ubatan lain sebagai ikhtiar. Alhamdulillah, aku beransur sihat tidak lama selepas itu. Tetapi masih perlu berhati-hati apabila hendak bergerak. Apabila keadaan aku sudah kembali sihat, ibuku menasihatiku agar pergi berpantang di rumah ibu mertuaku untuk menjaga hati beliau.

Setelah berbincang dengan suamiku, akhirnya aku bersetuju untuk berpantang di rumah mertuaku yang terletak lebih kurang 20 minit dari rumah ibu bapaku. Jelas kegembiraan di wajahnya melihat kami pulang. Terus dimintanya suamiku bersama dengan anak sepupu yang tinggal di rumah sebelah untuk mengangkat katil dari tingkat atas turun ke bahagian rumah bawah berhampiran dengan dapur supaya aku tidak perlu berulang alik memanjat tangga. Tiap-tiap malam Mok akan menemaniku, tidur di rumah bawah apabila ketiadaan suami yang bekerja di Dungun dan hanya akan balik pada hujung minggu. Mok rela tidur di atas toto semata-mata ingin menemaniku. Bukan itu sahaja, pada setiap pagi selepas subuh pasti Mok akan tungkukan kaki aku. Bila aku tersedar, Mok hanya tersenyum dan membiarkan aku tidur semula. Katanya, "Tidurlah, tak apa. Semalamkan asyik berjaga sebab banyak kali anak terjaga nak minum susu. Mok tungkukan kaki ni, tak nak bagi masuk angin. Tak elok nanti kalau masuk angin."

Terharu tetapi pada masa yang sama terasa malu dan segan dengan Mok. Tiap-tiap hari Mok akan sediakan juadah

berpantang. Memang Mok tidak benarkan aku banyak bergerak sebab beliau sendiri pernah melihat keperitan semasa aku terlantar sakit tempoh hari. Seinggakan Ayoh sendiri buat tandas duduk di luar rumah bersebelahan dapur yang berhampiran dengan rumah bawah untuk kemudahan aku ketika itu. Pernah satu ketika semasa ibuku datang menziarahiku, ibu berbisik kepadaku “Kak Long kena bersyukur sebab dapat mertua yang baik macam Mok dan Ayoh. Susah nak dapat mertua yang baik.” Terus bergenang air mata aku bila ibuku sendiri yang mengingatkan aku betapa baiknya kedua ibu bapa mertuaku.

Semasa anak sulungku berumur 2 tahun, kami tiada pengasuh kerana pengasuh yang sedia ada telah memulakan perniagaan sendiri. Moklah yang menawarkan diri untuk menjaga cucu, cuma kami perlu tinggalkan cucu di kampung. Asalnya kami tidak mahu menyusahkan Mok tetapi Mok yang bersungguh-sungguh hendak menjaga cucu. Beberapa bulan anak kami tinggal bersama neneknya, semakin bulat jadinya. Lembu, kambing, ayam dan itik semua anak kami kenal berbanding sebelum ini. Boleh dikatakan juga semua jemaah di surau Ayoh sudah menjadi kawan kepada anak kami. Sepenuh kasih sayang Mok dan

Ayoh berikan, maklumlah tinggal berdua sahaja di rumah. 2 orang adik iparku yang masih kecil pula bersekolah di waktu pagi, bermakna di sebelah petang baru mereka ada di rumah. Sepanjang hari, Mok dan Ayoh akan melayan cucu sahajalah.

Kalau diikutkan, banyak kenangan manis yang mengingatkan aku tentang betapa baiknya Mok sebagai mertuaku meskipun kenangan yang dapat kukutip bersamanya hanyalah untuk 7 tahun sahaja. Tanggal 7 Januari 2016, Mok pergi meninggalkan kami selamanya kerana komplikasi buah pinggang dan paru-paru disebabkan penyakit diabetik yang kronik. Masih terngiang-ngiang di telingaku kata-kata birasku sebelum pemergian Mok, “Mok sayang kak, selalu peluk cium kak. Mok selalu nak kak balik.” Dalam maksudnya dan sehingga hari ini, aku masih terkilan kerana tidak dapat menunaikan satu-satunya permintaan Mok sebelum beliau pergi. Apa permintaannya? Cukuplah kiranya aku seorang yang tahu. Terima kasih Mok, untuk segalanya.

Kini hanya tinggal rindu yang tiada penghujung.....

Al-Fatihah buat Mok (Che Karimah Mahmood, 1957 – 2016).

Moga dikau ditempatkan bersama orang-orang beriman. Allahumma Amin.



eISSN 2600-9811



BizNewz 2021 | 45



Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash